

24 AUG 2002

Vietnam-Lawat/I

TIMBALAN PM VIETNAM LAWAT MALAYSIA ESOK

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Tan Dung akan melakukan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia mulai esok.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, ia merupakan lawatan pertama beliau ke Malaysia atas jemputan rakan sejawatannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau akan mengetuai delegasi 11 anggota termasuk Menteri Hal Ehwal Buruh, Kurang Upaya dan Sosial, Menteri Perikanan dan Menteri Industri.

Mengiringi pegawai Vietnam itu ialah delegasi 36 anggota ahli perniagaan.

Semasa lawatan itu, Dung akan membincangkan isu kepentingan bersama serta bidang kerjasama bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala semasa mengadakan pertemuan dengan Abdullah pada 26 Ogos.

Beliau juga dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dung dan rombongannya juga akan melawat beberapa tempat termasuk Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Perbadanan Pembangunan Multimedia, Bursa Saham Kuala Lumpur dan Genting Highlands.

Beliau akan menyampaikan ceramah pada forum perniagaan anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asean.

Sementara itu, Menteri Luar Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewics juga akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia, mulai esok.

Dalam kenyataan berasingan, Wisma Putra berkata lawatan itu adalah atas jemputan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dr Cimoszewics akan diiringi isterinya Barbara Cimoszewicz dan tiga pegawai kanan Kementerian Luar.

Dalam lawatan keduanya ke Malaysia, Dr Cimoszewics akan mengadakan perbincangan dengan Syed Hamid dan dijadual mengunjungi Dr Mahathir.

Beliau juga akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak bagi membincangkan pelbagai perkara berhubung hubungan pertahanan dua hala.

Malaysia dan Poland telah menjalin hubungan yang rapat dan mesra sejak mengadakan hubungan diplomatik pada 1971.

-- BERNAMA

MUN MFJ RHM